

**SERANGAN ISLAM LIBERAL TERHADAP HADIS AHAD : CABARAN
TERHADAP PENUNTUT PENGAJIAN HADIS DI MALAYSIA**

¹Rosni Wazir, ¹Khairunnisa Ismail, ¹Abur Hamdi Usman

²Najah Nadiah Amran

rosni@kuis.edu.my, khairunnisa@kuis.edu.my, aburhamdi@kuis.edu.my

¹Kolej Universiti Antarabangsa Selangor, KUIS

²Pusat Kelestarian Turath Islami, FPPI, UKM

ABSTRAK

Islam Liberal adalah golongan yang sedang mempromosi ideologi mereka yang didakwa mampu membawa umat Islam kepada kemajuan dan kemodenan. Berselindung di sebalik nama agama, mereka menyerang umat Islam dari segenap segi. Paling bahaya adalah serangan ke atas Nabi Muhammad SAW dan hadis baginda terutama berkaitan dengan penolakan hadis *Ahad* yang dilabel sebagai kabur dan berbentuk sangkaan sahaja. Hakikatnya, walaupun golongan ini mendakwa mereka menerima hadis *Mutawatir* dan hanya menolak hadis *Ahad*, dapat difahami bahawa ia adalah penolakan keseluruhan hadis kerana hadis *Ahad* mewakili 95% daripada hadis yang ada. Oleh itu, penulisan ini akan memfokuskan kepada tiga isu kesan daripada serangan Islam Liberal terhadap hadis *Ahad*, memfokuskan kepada isu akidah. Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa hujah golongan ini adalah cetek dan tidak bersandarkan kepada metodologi yang tepat dalam ilmu hadis. Ia sekaligus menjadi satu cabaran bagi pelajar pengajian hadis di Malaysia untuk memahirkan diri mereka dengan ilmu hadis sama ada secara *riwayah* atau *dirayah*.

Kata kunci : Islam Liberal, Hadis *Ahad*, Pengajian Hadis.

1.0 PENDAHULUAN

Masyarakat Islam berhadapan dengan pelbagai ancaman yang ingin menjauhkan mereka dari landasan yang benar. Sedikit sebanyak, tanpa menafikan bahawa sudah ramai umat Islam yang sudah rosak akidahnya kerana serangan pemikiran yang bertali arus. Mereka datang dalam pelbagai rupa dan nama, berselindung di sebalik slogan seperti mengkaji semula syariat, mentafsir semula al-Quran, menilai semula hadis, menjauhi tafsiran yang kolot, menyesuaikan semula agama dengan realiti, meraikan kebebasan hak asasi dan lain-lain. Sesiapa yang tidak bersama-sama dengan idea ini akan dianggap ketinggalan zaman, jumud serta kolot. Serangan yang paling bahaya adalah Islam Liberal yang bijak menggunakan ayat al-Quran, hadis, istilah-istilah Islam malah dipelopori oleh golongan bijak pandai berpendidikan agama.

2.0 LIBERALISME

Perkataan liberal berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud bebas atau bukan hamba. Perkataan liberal banyak dikaitkan dengan perkataan Inggeris *liberty* dan konsep kebebasan. Liberalisme ialah falsafah yang meletakkan kebebasan individu sebagai perkara yang paling utama menurut nilai politik. Seseorang yang menerima fahaman liberalisme dipanggil seorang liberal. Menurut Kamus Dewan (DBP. Kuala Lumpur, 2016), perkataan Liberal didefinisikan sebagai “1. (bersifat) condong kepada kebebasan dan pemerintahan yang demokratik (misalnya menentang hak-hak keistimewaan kaum bangsawan), (fahaman) bebas. 2. bersifat atau berpandangan bebas, berpandangan terbuka (tidak terkongkong kepada sesuatu aliran pemikiran dan sebagainya)”. Liberalisme pula merujuk fahaman atau pendirian yang mahukan demokrasi serta kebebasan dalam kegiatan ekonomi.

2.1 Isu-Isu Utama Islam Liberal

Islam liberal adalah sebuah ideologi yang semakin berkembang dalam kehidupan masyarakat Islam kini. Gerakan Islam Liberal mengambil landskap *Renaissance* di Barat sebagai asas kepada semangat pembebasan yang mereka inginkan. Jika John Locke, Jean-Jacques Rousseau, Adam Smith dan lain-lain tokoh liberal di Barat telah berjaya membentuk satu

kehidupan baru dalam kehidupan masyarakat Barat dengan idea-idea pembebasan, sekular dan individualistik, maka umat Islam juga mampu membangunkan masyarakat mereka dengan cara tersebut. Walaupun tidak seratus peratus sama, namun mereka bersetuju dengan kerangka pemikir Barat tersebut yang menuntut usaha pembaharuan dalam memahami agama dan nas dalam kehidupan moden.

Dari segi idea dan pemikiran, Islam Liberal mungkin telah bermula lebih lama namun istilah “Islam Liberal” mula dipromosikan oleh Leonard Binder pada tahun 1988 menerusi penulisannya yang bertajuk *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies* dan diikuti oleh Charles Kurzman dalam penulisannya, *Liberal Islam: A Source-Book* yang diterbitkan pada tahun 1998. Kedua-dua buku ini menjadi rujukan utama bagi pendukung fahaman Islam Liberal di seluruh dunia. Antara nama-nama tokoh yang mendukung ideologi ini ialah Ahmad Khan, Fazlur Rahman, Abdullah Ahmad Naim, Hasan Hanafi, Muhammad Arkoun, Abdul Karim Soroush, Fatima Mernisi, Aminah Wadud, Nawal Sa’adawi, Rifa’at Hassan, ‘Ali, ‘Abd al-Raziq, Farid Esack, Nurcholis Madjid, Harun Nasution, Ahmad Wahib, Lutfi As-Syaukanie, Ulil Abshar, Djohan Efendi dan lain-lain lagi.

Islam Liberal dikritik kerana mempromosikan idea-idea baru yang bertentangan dengan tradisi Islam. Walaupun begitu, mereka tetap meyakini bahawa gagasan idea perubahan tersebut adalah satu keperluan dalam kehidupan baru dan ia adalah satu langkah yang mesti diambil dalam usaha untuk mengekalkan mesej kesejagatan yang dibawa oleh Islam. Dengan berpegang kepada slogan pembukaan pintu ijtihad serta ke arah kefahaman Islam yang terbuka dan progresif, umat Islam tidak boleh terkebalakang berbanding Barat. Dalam keghairahan kumpulan Islam Liberal berusaha untuk memperbaiki kehidupan masyarakat Islam dari segenap aspek, idea-idea mereka telah menimbulkan kesalahfahaman dalam urusan beragama seperti menganjurkan pentafsiran Islam secara pluralis, mempertikai shariat Allah dan hukum-hukum fiqah dengan hujah rasional serta menolak penguatkuasaan undang-undang moral agama (Mazlan Ibrahim et.al. 2013).

Kalangan Muslim yang prihatin begitu bimbang dengan ajaran sesat dan pertelagahan sesama sendiri soal furuk (cabang) dalam agama terutama pada perkara-perkara bidaah yang timbul selepas kewafatan Rasulullah SAW. Bagaimanapun, jarang yang sedar dan prihatin akan ancaman yang jauh lebih bahaya dalam memesongkan akidah serta tauhid Islami serta

fitrah kemanusiaan itu sendiri dalam pemikiran liberal. Sebabnya, ancaman ideologi yang jelas bercanggah dengan al-sunnah dan al-Quran melalui aliran pemikiran moden yang mengsinonimkan falsafah Islam berpaksikan akal dengan pemikiran barat yang memesongkan akidah itu sudah menjadi pakaian dan sajianharian hidup ummah kini. Mengguna label Islam liberal dengan memperjuangkan hak kebebasan dan hak asasi manusia, umat Muslim sebenarnya sudah diresapi dengan akidah liberalisme dan pluralisme yang menjadi agenda dalam doktrin Yahudi-Kristian dalam menghancurkan Islam melalui pemesanan akidah Muslim

Menggunakan rasional akal dalam menafsir agama dengan alasan membuka ruang dimensi berfikir semakin berleluasa pada akhir ini. Dengan terjahan dunia langit terbuka kelompok ini dengan aktif menebarkan sikap serta pandangan mereka, bahkan secara terbuka mengadakan bantahan awam untuk berekspresi akan tuntutan-tuntutan mereka. Mereka secara terbuka menyerang institusi agama negara ini serta berkolaborasi dengan sesiapa sahaja yang menyokong perjuangan mereka. Terjahan kepada Islam berlangsung sepanjang zaman dan menuntut umat Islam berdada dengan penyelewengan ini. Antara kebobrokan yang kian mendapat tempat dalam kalangan umat Islam yang jahil ialah fahaman Islam liberal, menyusup secara diam dan pantas dalam akar ummah di pelbagai posisi. Antara doktrin yang diperjuangkan oleh mereka ialah:

i. Menganut Fahaman Pluralisme

Iaitu fahaman yang menyatakan bahawa semua agama adalah sama yakni benar belaka. Orang Islam tidak boleh meyakini bahawa hanya agama Islam sahaja yang benar. Sebaliknya mereka hendaklah mengiktiraf agama lain juga benar dan betul. Darinya juga, penganut fahaman Islam liberal menyeru agar dibenar perkahwinan campur antara agama kerana semua agama adalah benar dan betul dan perkahwinan sebegini sememangnya telah diamalkan di Indonesia menunjukkan kejayaan besar golongan Islam liberal di sana.

ii. Hak Kebebasan Murtad

Dalam isu murtad, seperti kes Lina Joy (yang nama asalnya Azlina Jailani), golongan Islam liberal di Malaysia antara yang mendesak agar penganut Islam diberi hak untuk murtad dari

agama (Islam) tanpa sebarang tindakan undang-undang dan tanpa tertakluk dengan keputusan Mahkamah Syariah.

Bagi kelompok Islam liberal yang jahil ini mereka berhujah bahawa hak untuk murtad menurut mereka adalah kebebasan beragama yang juga diakui oleh al-Quran. Mereka menyalah tafsirkan ayat firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud: “*Tidak ada paksaan dalam agama*”.

iii. Ayat-Ayat Al-Quran Perlu Ditafsir Semula

Menurut golongan Islam liberal, al-Quran perlu ditafsir semula tanpa terikat dengan tafsiran ulama terdahulu agar selari dengan peredaran zaman. Tafsiran ulama terdahulu telah jauh ketinggalan dan tidak sesuai lagi untuk zaman sekarang. Dalam mentafsir al-Quran tidak perlu terikat dengan ilmu *Asbab al-Nuzul*, *Nasikh wal Mansukh*, tafsiran Rasulullah SAW, para sahabat dan ahli-ahli tafsir terdahulu. Memadai menurut mereka tafsiran itu menepati logik akal dan rasional.

Metode pentafsiran yang mengabaikannya *Asbab al-Nuzul* dapat dipastikan tidak akan berhasil diaplikasikan dalam kehidupan harian. Malah akan menjauhkan umat daripada al-Quran (Arief Subhan, 1993), seperti pentafsiran Jaringan Islam Liberal (JIL) yang banyak menggunakan pendekatan akal atau apa yang dinamakan metode *al-tafsir bi al-ra'yi al-mazmum*.

Para aktivis JIL dengan berani mentafsirkan ayat al-Qur'an dengan tidak bersumberkan kepada kaedah dan syarat yang telah ditetapkan oleh mufasir (Muhd. Najib, Muhibudin & Mazlan, 2007). Salah satu usaha mereka adalah menggunakan pendekatan *hermeneutics* untuk mentafsir semula hukum Islam dengan prinsip maslahat dan *maqasid syari^cah*. Menurut pandangan mereka, hukum syarak yang diamalkan selama ini sudah tidak lagi relevan bahkan mencabuli kemaslahatan manusia. Ekoran daripada itu, mereka berani menawarkan kaedah pentafsiran baru bagi menggantikan kaedah yang telah digunakan oleh ulama zaman berzaman. Kaedah yang ditawarkan seperti *al-ibrah bi al-maqasid la bi al-alfaz* (asas memahami ayat adalah berdasarkan kemaslahatan bukan khusus terhadap lafaz ayat) bagi menggantikan kaedah *al-ibrah bi ^cumum al-lafz la bi khusus al-sabab*. Selain itu, mereka

juga menawarkan kaedah *jawaz naskh al-nusus (al-juz'iyah) bi al-maslahah* (bolehnya menghapus nas-nas ayat kerana maslahat) dan kaedah *tanqih al-nusus bi 'aql al-mujtama' yajuz* (bolehnya menukar nas-nas ayat sesuai dengan tingkat kefahaman masyarakat) (Abd Moqsith Ghazali, et.al. 2009).

Keunggulan falsafah *maqasid syari'ah* dan tawaran kemodenan kaedah tafsir telah membawa aktivis JIL untuk mengkritik hukum keluarga dalam Islam, mencegah talak dijatuhkan oleh suami, mengharamkan poligami, membolehkan muslimah berkahwin dengan non muslim dan menyamakan bahagian waris lelaki dan perempuan dan sebagainya atas nama memelihara maslahat umum yang menjadi tujuan utama syarak. Sehingga mereka berkesimpulan bolehnya merubah hukum hudud dan sistem hukum Islam lainnya yang telah ditetapkan secara jelas oleh teks-teks al-Qur'an demi memperjuangkan maslahat dan *maqasid syari'ah*. Dengan kegairahan seperti itu, mereka mendakwa tidak merobohkan syarak, melainkan mahu menjaga *maqasid* dan substansinya tanpa terikat dengan bentuk formalnya. Mereka cukup berpuas hati dengan konsep *maqasid* yang cenderung sekuler untuk menjustifikasi semua hukum syarak. Dalam erti kata lain, semuanya dapat dibenarkan atas nama *maqasid syari'ah*.

Ekoran daripada itu, al-Qaradawi (2001) menampelak golongan seperti di atas. Beliau menyatakan bahawa meskipun kami menyatakan pentingnya memperhatikan *asbab al-nuzul* yang bersifat khusus, tetapi ianya tidak bermaksud bolehnya berlebih-lebihan dalam perkara ini, seperti yang dilakukan oleh kebanyakan orang pada zaman sekarang (seperti Sa'id al-[°]Ashmawi dalam tulisannya tentang al-Quran dan asas syarak ataupun *al-Quran wa usul al-shari'ah*). Malahan di antara mereka ada yang membatasi lafaz-lafaz al-Quran yang bersifat umum menurut pengertian yang berlaku pada zaman kenabian. Perkara ini tidak dapat diterima dengan apa jua keadaan. Ianya tidak akan dilakukan oleh seorang muslim dan orang yang berakal. Begitulah pernyataan ibn Taimiyyah. Hal tersebut disebabkan bercanggah dengan keumuman al-Quran, sama ada tempat mahupun masanya, tambahan al-Quran itu ialah kitab untuk semua.

Jelasnya, golongan Islam liberal mengajak umat Islam kepada penafsiran ayat-ayat al-Quran berdasarkan ilmu akal semata-mata. Kerana itu mereka awal-awal lagi telah menolak hadis Nabi yang bermaksud, "*Sesiapa yang mentafsir al-Quran dengan akal fikirannya semata-mata, maka sediakanlah tempat duduknya dari api neraka*" dengan mendakwa hadis

tersebut bercanggah dengan al-Quran yang menyeru manusia supaya berfikir, merenung dan menggunakan akal.

iv. Mempertikai Syariat Allah Dan Hukum-Hakam Fiqh Dengan Hujah Rasional

Pada pandangan mereka hukum syariat Islam adalah ciptaan ulama dan fuqaha. Oleh itu, mereka menganggap syariat Islam tidaklah suci secara sepenuhnya dan ia terdedah kepada penilaian semula dan kritikan termasuklah hukum-hakam syariat yang qatie. Antara hukum-hakam syariat yang menurut pandangan mereka perlu dinilai semula ialah: Hukum faraid yang tidak sama rata antara lelaki dan wanita; Keharusan poligami bagi lelaki; Kewajipan bertudung kepala ke atas wanita; Hukuman bunuh ke atas orang murtad; Hukum jenayah hudud yang menurut mereka adalah pengaruh budaya Arab Jahiliyah; Larangan wanita daripada menjadi pemimpin termasuklah dalam solat; Hak mutlak suami untuk menceraikan isteri; Larangan perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam; dan Undang-undang moral agama yang dikatakan melanggar hak asasi dan kebebasan manusia.

Sisters In Islam sebagai contohnya dalam Memorandum Perbandingan Draf Rang Undang-undang Keluarga Islam (digubal pada 24 Januari 1998) dengan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 berpandangan bahawa berlandaskan kepada prinsip hukum Islam bahawa perkahwinan poligami yang membawa mudarat dan ketidakadilan kepada pihak isteri sebenarnya tidak dibenarkan oleh ayat suci al-Quran yang begitu menekankan dan memelihara keadilan bagi wanita dan kanak-kanak berdasarkan kepada ayat tiga dan seratus dua puluh sembilan dari Surah an-Nisa.
([http://www.sistersinislam.org.my/BM/memorandum/RUU% 20Jan02.htm](http://www.sistersinislam.org.my/BM/memorandum/RUU%20Jan02.htm)).

Demi menjayakan hasrat mereka itu maka mereka menyeru kepada pembaharuan *fiqh* secara bebas tanpa perlu merujuk kepada ulama dan disiplin ilmu *Usul Fiqh*. Golongan Islam liberal menolak autoriti ulama dalam bidang agama. Mereka amat menekankan kebebasan berpendapat bahawa sesiapa sahaja berhak bercakap tentang agama.

v. Menolak Penguatkuasaan Undang-Undang Moral Agama

Liberal Islam berpegang kepada paksi liberalisme sebagai prinsip, lalu memahami wahyu berdasarkan prinsip asing ini. Dengan kata lain, liberal Islam adalah pemahaman semula wahyu berdasarkan paradigma liberalisme dalam melihat kehidupan semasa. Secara lebih khusus, ada tiga unsur yang perlu disedari di sini. Pertamanya, adat kebiasaan dalam kehidupan semasa yang menjadi fakta. Keduanya, falsafah liberalisme yang menganjurkan suatu nilai hidup tertentu. Ketiganya, ajaran wahyu Islam yang turut mengemukakan panduan nilai hidup tertentu yang boleh jadi bercanggah dengan idea liberalisme (Wan Adli, 2014).

Golongan Islam liberal menentang penguatkuasaan undang-undang moral berteraskan agama, kerana menurut mereka undang-undang tersebut melanggar kebebasan dan hak asasi manusia.

3.0 KEHUJAHAN HADIS AHAD

Hadis ialah sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada ia berupa perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat Baginda SAW, sama ada fizikal atau akhlak. (++)

Ulama hadis telah melakukan pembahagian hadis melalui pelbagai kaedah, antaranya pembahagian dari aspek bagaimana sesuatu hadis sampai kepada umat Islam melalui bilangan *turuq* (jalan-jalan) atau *sanad*. Berdasarkan bilangan *turuq* (jalan-jalan) atau *sanad* tersebut, hadis telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; hadis *Mutawatir* dan hadis *Ahad* (++).

Hadis *Mutawatir* ialah hadis yang mempunyai bilangan para perawi yang ramai pada setiap peringkat *sanad* sehingga pada logik akal dan adatnya, tidak mungkin perawi-perawi tersebut bersepakat untuk melakukan pendustaan terhadap sesuatu hadis (++).

Manakala hadis *Ahad* ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis *Mutawatir* atau tidak memenuhi sebahagian dari syarat-syaratnya (++).

Hadis *Ahad* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

- i. Hadis *Masyhur* : Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh tiga atau lebih perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad, namun ia tidak mencapai tahap hadis *Mutawatir*.
- ii. Hadis *'Aziz* : Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh sekurang-kurangnya dua perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat *sanad*.
- iii. Hadis *gharib* : Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja dalam salah satu daripada peringkat-peringkat *sanad*.

Hadis *Ahad* atau *Mutawatir* adalah tidak menjadi isu pada zaman awal Islam dahulu kerana syarat penerimaan hadis pada waktu itu tidak dipengaruhi oleh bagaimana ia sampai kepada kita. Persoalan yang utama adalah tahap kesahihan hadis tersebut. Manhaj ini berterusan sehingga kepada zaman para Imam mazhab yang empat. Jika kita mengkaji iktikad mereka dalam perkara akidah, jelas menunjukkan bahawa mereka mengambil hadis yang sahih menjadi dalil tanpa melihat ia disampaikan secara *Mutawatir* atau *Ahad* (Hafiz Firdaus, 2007).

Perbincangan tentang kejujahan hadis *Ahad* ini berlegar di sekitar perbahasan tentang akidah kerana akidah merupakan sesuatu yang bersifat yakin sedangkan hadis *Ahad* ini memberikan faedah secara sangkaan (*zan*) sahaja. Untuk menjawab kenyataan ini, maka dipetik pendapat beberapa orang cendekiawan Islam di dalam karya utama mereka seperti :

Imam al-Syawkani : “Ketahuilah bahawa perbezaan pendapat yang kami sebut pada awal perbahasan ini berkenaan hadis *Ahad* sama ada menghasilkan ilmu yang berupa sangkaan atau kepastian, ia hanyalah berlaku apabila hadis *Ahad* tersebut tidak disertai dengan pembuktian yang menguatkannya. Adapun sekiranya ia disertai dengan pembuktian yang menguatkannya atau ia sudah masyhur atau dikenali secara terperinci, maka perbezaan tersebut tidak berlaku.”

Imam Al-Syafi'i : “Aku belum pernah mengetahui bahwa ulama kaum muslimin berselisih pendapat mengenai diterimanya khabar *Ahad*.” Kata beliau lagi, “Pada pendapatku, tidak boleh bagi seorang yang berilmu untuk menetapkan kesahihan berbagai hadits *Ahad* tetapi kemudian dia menghalalkan dan mengharamkan hanya apa yang bertepatan dengan akalnyanya (bukan berdasarkan hadis tersebut).”

Ibnu Hajar al-‘Asqalani : “Telah tersebar luas apa yang diamalkan oleh para sahabat dan para tabi’in berdasarkan khabar *Ahad* tanpa ada yang mengingkarinya. Maka ini menunjukkan wujudnya kesepakatan (*ijma’*) di kalangan mereka untuk menerimanya.”

Abu Bakr al-Khatib al-Baghdadi : “Kewajiban beramal dengan hadis *Ahad* adalah pendapat seluruh tabi’in dan para fuqaha’ setelahnya di seluruh negeri kaum muslimin sehingga kini. Tidak ada keterangan yang sampai kepada kami tentang adanya salah seorang dari mereka yang menentang atau menyalahinya.”

Ibnu ‘Abd al-Barr : “Tiada iktiqad (keimanan) tentang sifat-sifat Allah dan nama-nama-Nya melainkan telah disebutkan melalui nas-nas di dalam Kitabullah atau hadis-hadis sahih daripada Rasulullah SAW atau yang telah *ijma’* (disepakati) atasnya oleh umat ini serta apa yang datang melalui khabar *Ahad* tentang itu semua atau yang seperti itu maka hal itu wajib diterima dan tidak boleh diperselisihkan.”

Ibnu Hazm : “Adalah sah dengan *ijma’* umat ini bahawa diterimanya khabar *wahid* (hadis *ahad*) yang diriwayatkan oleh para perawi *thiqah* (terpercaya) daripada Nabi SAW dan bahawasanya seluruh ahli Islam menerima khabar *wahid* yang diriwayatkan oleh para perawi *thiqah* daripada Nabi SAW. Setiap mereka (asalnya) berpegang pada prinsip ini sebagaimana ahli sunnah, khawarij, Syiah, dan Qadariyah sehinggalah lahirnya para ahli kalam dari kalangan Muktaizilah seratus tahun kemudian yang menentang *ijma’* dalam ketetapan ini.”

3.1 Serangan Islam Liberal Terhadap Hadis *Ahad*

i. Warisan Idea Para Orientalis

Sunah Nabi atau hadis ini sentiasa terdedah dengan anak panah beracun musuh Islam yang sekian lama berusaha melakukan penipuan, penyelewengan dan pendustaan. Namun begitu, Allah telah menentukan bahawa hadis Nabi SAW ini dijaga dan dipelihara oleh mereka yang bersifat amanah, benar dan ikhlas kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka telah menghabiskan umur dan masa yang ada semata-mata untuk membezakan antara hadis yang

sahih dan palsu demi memelihara warisan Nabi SAW ini dari sebarang bentuk penipuan dan penyelewengan (Ahmad Umar Hasyim, 2011).

Isu pertikaian hadis *Ahad* yang sudah lama diselesaikan oleh ulama hadis malah telah disepakati secara *jumhur* bahawa ia diterima untuk diamalkan dan dijadikan hujah sekiranya ia melengkapinya semua syarat penerimaan sesebuah hadis. Bagi mereka yang mempelajari hadis, boleh memahami bahawa perbincangan tentang hadis *Mutawatir* dan *Ahad* ini hanya terbatas pada bagaimana ia sampai kepada kita. Tidak termasuk di dalamnya perbincangan sama ada ia diterima atau ditolak kerana ia bergantung kepada tingkat kesahihannya. Sekiranya ia sahih, maka ia diterima dan sekiranya ia *da'if* maka ditolak (Sulidar, 2014).

Benar bagai dikata, segelintir golongan yang mempertikai dan menolak hadis *Ahad* masa kini tidak terlepas daripada dua kemungkinan, sama ada mereka sendiri yang tidak memiliki ilmu yang mendalam tentang hadis *Ahad* atau mereka sengaja menolak hadis Rasulullah SAW dengan alasan “ianya hadis *Ahad*” (Hafiz Firdaus, 2007).

Idea penolakan hadis *Ahad* ini datangnya dari tokoh-tokoh Orientalis yang sedari awal mempunyai niat yang jahat terhadap Islam dan teramat malang apabila segolongan manusia yang bernama Muslim menerima idea ini dengan mudah, malah memperjuangkannya bermati-matian. Satu nama yang tidak mungkin dapat dipisahkan dari idea jahat ini adalah Goldziher yang telah mencipta pelbagai tuduhan terhadap Islam, membina keraguan terhadap Sunan Sittah, mendakwa bahawa hadis adalah nukilan dari umat terdahulu seperti Perjanjian Lama, Perjanjian Baru, Falsafah Greek, Mitos Hindu dan Buddha. Malah dia menyalahkan para Imam hadis kerana tidak cermat menilai matan hadis sehingga hadis yang bersifat tahyul dan tidak logik dimasukkan dalam kitab mereka (Ahmad Umar Hasyim, 2011).

Sekiranya diteliti, inilah juga isu yang sering dibangkitkan oleh golongan Islam Liberal; nada yang sama, cuma keluar dari mulut orang yang berbeza. Kita juga tidak merasa hairan kerana apa yang dilaungkan oleh mereka sekarang, sudah lama dijawab dan dijelaskan secara tuntas oleh ulama terdahulu.

ii. Isu yang Timbul Hasil Penolakan Hadis Ahad

Sekiranya umat Islam tidak menerima hadis *Ahad* dalam masalah akidah, maka ini bermakna mereka menolak beberapa perkara yang berkaitan dengannya seperti :

- a) Keistimewaan Nabi Muhammad SAW melebihi nabi-nabi yang lain.
- b) Syafaat baginda yang besar di Akhirat.
- c) Semua mukjizat baginda selain daripada al-Quran termasuk Isra' Mikraj.
- d) Proses kejadian makhluk, sifat Malaikat dan Jin, sifat Syurga dan Neraka.
- e) Azab dan siksa di alam kubur.
- f) Keadaan di Alam Akhirat.
- g) Takdir manusia berupa rezeki, hidup dan matinya.
- h) Tanda-tanda akhir zaman seperti kedatangan Imam Mahdi, keluarnya Dajal dan turunnya Nabi ISA *alayhissalam*.

Sememangnya sebahagian besar isu yang ditimbulkan oleh Islam Liberal meliputi perkara-perkara yang tersenarai di atas. Penulisan ini akan menganalisis tiga daripada isu hasil daripada serangan Islam Liberal terhadap hadis *Ahad* :

a) Penurunan Nabi Isa *alayhissalam* Pada Akhir Zaman.

Kepercayaan tentang penurunan Nabi Isa *alayhissalam* ini adalah satu daripada iktikad umat Islam yang berasaskan dalil daripada ayat al-Quran dan hadis-hadis *Mutawatir* Rasulullah SAW. Alasan yang dikemukakan adalah kerana sumber pendalilan peristiwa ini berasaskan kepada hadis *Ahad*.

Bagi mereka yang tidak mempunyai penguasaan ilmu hadis yang luas adalah tidak selayaknya untuk mendakwa bahawa asas iktikad ini adalah daripada hadis *Ahad*. Ia adalah satu kesalahan yang serius kerana ia bertentangan dengan pendapat ahli hadis. Ramai ulama yang muktabar telah membuktikan bahawa sumber kepercayaan umat Islam terhadap penurunan Nabi Isa di akhir zaman adalah dari hadis *Mutawatir*. Ulama seperti Ibn Kathir, Imam al-Syawkani, Syeikh Ahmad Siddiq al-Ghumari, Syeikh Muhammad Anwar al-Kasymiri dan Syeikh Nasir al-Din al-Albani antara sebahagian ulama yang telah membuktikan kebenaran tersebut (Hafiz Firdaus, 2007).

Penafian Nabi Isa *alayhissalam* turun di akhir zaman adalah rentetan kepada penafian baginda diangkat ke langit. Satu penafian yang bertentang dengan dalil ayat al-Quran yang jelas (Arifinsyah, 2015: 120). Firman Allah SWT :

إِذْ قَالَ اللَّهُ يٰعِيسَىٰ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ وَمُطَهِّرُكَ مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَجَاعِلُ الَّذِينَ
اتَّبَعُوكَ فَوْقَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ۗ

Maksudnya: *(Ingatlah) ketika Allah berfirman: Wahai Isa! Sesungguhnya Aku akan mengambilmu dengan sempurna dan akan mengangkatmu ke sisiKu dan akan membersihkanmu dari orang-orang kafir dan juga akan menjadikan orang-orang yang mengikutmu mengatasi orang-orang kafir (yang tidak beriman kepadamu), hingga ke hari kiamat. (Surah Ali Imran 3:55)*

Dan juga firman Allah SWT :

بَل رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٥٨﴾

Maksudnya : *Bahkan Allah telah mengangkat Nabi Isa kepada-Nya dan adalah Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Nisa'; 4:158)*

b) Azab Kubur

Kepercayaan tentang azab kubur juga merupakan salah satu daripada iktikad umat Islam dan ia telah disebut dengan banyak di dalam hadis-hadis Nabi SAW sehingga sebahagian daripada mereka telah membukukannya secara khusus seperti Imam al-Bayhaqi yang bertajuk *Isbat Azab al-Qubr wa Su'al al-Malakayn*.

Malah hadis-hadis berkaitan dengan azab kubur ini telah diriwayatkan oleh ramai perawi sehingga ia mencapai kepada darjat *Mutawatir*, antaranya adalah Anas bin Malik, Abdullah bin Abbas, Bara' bin Azib, Umar bin Khathab, Ummul Mukminin Aisyah , Asma' binti Abu Bakar, Abu Ayyub Al-Anshari, Ummu Khalid, Abu Hurairah, Abu Said Al-Khudri, Samurah bin Jundub, Usman, Ali, Zaid bin Tsabit, Jabir bin Abdullah, Sa'ad bin Abi Waqas,

Zaid bin Arqam, Abu Bakrah, Abdul Rahman bin Samurah, Abdullah bin Amr bin Ash, Amr bin Ash, Ummu Mubasysyir, Abu Qatadah, Abdullah bin Mas'ud, Abu Thalhah, Abdul Rahman bin Hasanah, Tamim Al-Dariy, Huzaifah, Abu Musa, Nu'man bin Basyir dan Auf bin Malik.

Kepercayaan terhadap seksaan kubur selepas mati adalah berdasarkan petunjuk dan isyarat dari al-Quran. Meskipun tiada perkataan atau istilah berkaitan seksaan kubur dalam al-Quran, namun terdapat beberapa petunjuk isyarat yang jelas mengenai azab kubur (al-Ṭabarī, t.th. 11: 540). Misalnya :

وَلَوْ تَرَىٰ إِذِ الظَّالِمُونَ فِي غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُوا أَيْدِيهِمْ أَخْرِجُوا أَنفُسَكُمُ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: (*sungguh ngeri*) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakratulmaut (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyiksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri); pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina (kamu) sehina-hinanya, disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah dengan tidak benar dan kamu pula (menolak dengan) sombong takbur akan ayat-ayat keterangannya. (Surah al-An'am; 6:93)

Berdasarkan ayat diatas, ungkapan *الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ* yang bermaksud “pada hari ini kamu dibalas dengan azab seksa yang menghina” bermaksud azab seksa yang dikenakan kepada orang zalim saat waktu kematiannya. Ini sudah tentu bermaksud seksaan kepada orang zalim sudah bermula ketika sakaratul maut lagi. Sekiranya ayat ini merujuk azab selepas hari Kiamat, maka sudah tentu Allah SWT tidak akan menggunakan perkataan *الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ* pada hari ini kamu dibalas.

Selepas Hari Kiamat tiada lagi konsep pagi dan petang, kerana alam semesta telah musnah. Sebaliknya dalam ayat ini, Allah SWT menggunakan perkataan pagi dan petang

yang sudah tentu merujuk kepada seksaan azab kubur (al-Andalisī, t.th. 7: 468). Firman Allah SWT :

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Mereka didedahkan kepada bahang api Neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam Barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api Neraka yang seberat-beratnya! (Surah Ghafir; 40:46)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT memperlihatkan azab kepada Firaun dan pengikutnya pagi dan petang, serta mengancam menyiksa mereka dengan azab yang keras setelah kiamat. Justeru bilakah masa yang dimaksudkan dalam ayat ini, melainkan merujuk kepada azab dan seksa kubur.

c) Syafaat Nabi Muhammad SAW

Dalil tentang syafaat Nabi Muhammad SAW ini dapat dilihat dalam beberapa ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW, ia telah dipersetujui secara sepakat oleh jumbuh ulama. Namun, golongan Islam Liberal terutama gerakan Anti Hadis telah memanipulasikan ayat al-Quran bagi menafikan syafaat Nabi Muhammad SAW ini. Bagi mereka, secara jelas mukjizat baginda hanyalah al-Quran semata-mata. Ini adalah berdasarkan firman Allah berikut :

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ آيَاتٌ مِّن رَّبِّهِ قُلْ إِنَّمَا الْآيَاتُ عِندَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٥٠﴾ أَوَلَمْ

يَكْفِهِمْ أَنَّا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَرَحْمَةً وَذِكْرَىٰ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: Dan mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) mukjizat-mukjizat dari Tuhannya? Jawablah (wahai Muhammad): Sesungguhnya (urusan menurunkan) mukjizat-mukjizat itu adalah tertentu bagi Allah dan aku hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas nyata. (Patutkah mereka meminta mukjizat-mukjizat yang lain?) tidakkah cukup bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu Al-

Quran yang dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya Al-Quran yang diturunkan itu mengandung rahmat dan peringatan bagi orang-orang yang beriman. (Surah al-'Ankabut; 29:50-51)

Mereka juga berhujah dengan ayat al-Quran berikut bahawa syafaat Nabi dinafikan :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِي يَوْمٌ لَا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفْعَةٌ
وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (di jalan Allah) sebagian dari rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang hari yang pada hari itu tidak ada lagi jual beli dan tidak ada lagi persahabatan yang akrab dan tidak ada lagi syafaat. Dan orang-orang kafir itulah orang-orang yang zalim. (Surah al-Baqarah; 2:254)*

Pemahaman mengenai ayat al-Quran ini menunjukkan GAH tidak memahami kaedah bahasa al-Quran. Ini kerana terdapat ayat al-Quran yang menjelaskan syafaat yang diizinkan Allah SWT kepada mereka yang terpilih. Firman Allah SWT :

مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ

Maksudnya: *Tiada yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izin-Nya. (Surah al-Baqarah; 2:255)*

يَوْمَئِذٍ لَا تَنفَعُ الشَّفَعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا ﴿١٠٩﴾

Maksudnya: *Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (dari dan kepada sesiapaupun) kecuali dari orang yang diizinkan oleh Allah yang melimpahkan rahmatNya dan kepada orang yang diredai perkataannya. (Surah Taha; 20:109)*

Realitinya, Rasulullah SAW telah diberikan Allah SWT hak memberi syafaat dan ini jelas termaktub di dalam hadis-hadis sahih. Adakah syafaat ini perkara yang mustahil terjadi atau

mustahil diberikan oleh Allah Taala kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya? Kerana dengan rahmat Allah tiada sesuatu pun yang mustahil. Contohnya, Allah SWT mampu sahaja memasukkan seseorang ke dalam syurga walaupun sepanjang hidupnya dia melakukan dosa. Si pendosa itu sempat bertaubat dengan RahmatNya. Firman Allah SWT :

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾ مَنْ يُصِرْفِ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ وَذَلِكَ
الْفَوْزُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

Maksudnya: *Katakanlah: Sesungguhnya aku takut jika aku derhaka kepada Tuhanku, (akan dikenakan) azab hari yang besar (hari kiamat). Sesiapa yang dijauhkan azab daripadanya pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya dan itulah kejayaan yang jelas nyata. (Surah al-An'am; 6:15-16)*

Allah SWT juga mampu menjadikan satu kebaikan itu dengan sepuluh kali ganda pahala, bahkan sampai 700 kali ganda sekalipun kerana itulah kuasa dan kehendak-Nya, firman Allah :

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَتْ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ
حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: *Perumpamaan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah sama seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada tiap-tiap tangkai mengandungi seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya. (Surah al-Baqarah; 2:261)*

Dia mampu menjadikan satu kejelekan itu dengan sejelik-jeliknya dan memaafkannya dengan sekaligus. Dia mampu menjadikan beberapa amalan yang dapat menghapuskan dosa seperti solat, puasa, haji, umrah, membaca tasbih, tahlil dan tahmid dan zikir serta doa. Begitu juga dengan musibah dan ujian yang menimpa seseorang akan menjadi sebab pelepasan dosa.

Allah mampu membatalkan amal kebaikan seseorang hanya dengan kemurtadan dan keluar dari agamanya. Firman Allah SWT :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا

بَعِيدًا ﴿١١٦﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukanNya dengan sesuatu (apa jua) dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut peraturan hukum-hukum-Nya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh. (Surah an-Nisa'; 4:116)*

Allah menjadikan doa orang mukmin di kalangan kaum keluarganya bermanfaat setelah mereka mati. Ini kerana Allah SWT telah menyatakan penyesalan dan kekecewaan mereka yang telah mati kerana tidak mewariskan keturunan yang soleh dan sedekah yang baik.

Oleh itu, tidak mustahil jika Allah memberi kurnia kepada hambaNya yang terpilih dengan syafaat yang boleh diberikan kepada sesiapa sahaja yang mati dengan beriman. Apatahlagi jika seseorang itu adalah hambaNya yang terpilih dan paling disayangi iaitu Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT :

يَوْمَئِذٍ لَا تَنْفَعُ الشَّفَعَةُ إِلَّا مَنْ أِذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا ﴿١١٧﴾

Maksudnya: Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (dari dan kepada sesiapapun) kecuali dari orang yang diizinkan oleh Allah yang melimpah-limpah rahmatNya dan kepada orang yang diredai perkataannya. (Surah Taha; 20:109)

Sekiranya kita memerhatikan ayat-ayat tersebut, kita akan mendapati bahawa konteksnya tidak merujuk kepada syafaat Rasulullah SAW dan amat jauh sekali untuk dikatakan bahawa ia menafikan kelebihan Rasulullah untuk memberi syafaat kepada ummat Baginda. Firman Allah SWT :

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ارْتَضَىٰ وَهُمْ مِنَ خَشْيَتِهِ مُشْفِقُونَ



Maksudnya: Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (yang telah mereka lakukan) dan apa yang di belakang mereka (yang akan mereka lakukan) dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredai Allah dan mereka pula sentiasa cemas takut daripada ditimpa azab-Nya. (Surah al-Anbiya'; 21:28)

4.0 CABARAN PENUNTUT PENGAJIAN HADIS

Melihat kepada isu-isu yang ditimbulkan oleh Islam Liberal terutama berkaitan serangan terhadap hadis *Ahad* menunjukkan bahawa golongan ini sebenarnya tidak mempunyai kemahiran ilmu hadis yang secukupnya. Mereka semata-mata bergantung kepada idea Orientalis yang mempunyai niat jahat terhadap kesucian Islam. Mereka juga bergantung kepada hujah-hujah lapuk yang telah dijawab secara tuntas oleh cendekiawan Islam. Bahkan, mereka juga menggunakan isu yang berlawanan dengan pendapat jumhur ulama dan umat Islam secara keseluruhannya.

Faisal Ahmad Shah (2013), telah menyenaraikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh golongan yang menyeleweng ini dalam memahami hadis Nabi SAW yang akhirnya membawa kepada kekeliruan yang tidak berkesudahan :

- a) Memahami hadis secara terpisah dengan hadis yang lain.
- b) Mengabaikan aspek *siyaq* (gaya teks) dan *sabab wurud al-hadith*.
- c) Melampau dalam berpegang dengan zahir hadis (tekstual).
- d) Melampau dalam penggunaan akal.
- e) Melampau dalam *takwil* hadis.
- f) Memahami hadis tanpa mengambil kira *maqasid*.
- g) Memahami *dilalah* hadis secara salah.

Dapat difahami bahawa untuk memahami hadis dengan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh Nabi SAW bukanlah perkara yang mudah. Ia memerlukan pengetahuan

yang mencukupi berkaitan kaedah dan metode memahami hadis. Ia ditambah lagi dengan luasnya bidang dan cabang ilmu hadis sendiri merangkumi *riwayah* dan *dirayah*. Antara ilmu-ilmu bidang hadis *dirayah* seperti ilmu *mukhtalaf al-hadith*, *musykil al-hadith*, *asbab al-wurud*, *nasikh al-mansukh* di samping ilmu berkaitan dengan *usul al-fiqh* seperti *al-'am*, *al-khas*, *mutlaq muqayyad* dan sebagainya (Faisal Ahmad Shah, 2013).

Maka, di sinilah cabaran yang perlu disambut oleh penuntut pengajian hadis kerana tiada yang lebih kuat untuk mendepani golongan ini kecuali dengan memahirkan diri dengan ilmu hadis dengan secukupnya. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu memahirkan dengan ilmu *turath* lain seperti ilmu feqah, akidah, bahasa Arab dan lain-lain. Ilmu yang perlu dimantapkan dengan hasil usaha yang berterusan sama ada di dalam atau luar bilik kuliah. Selain itu, mereka juga perlu menguasai ilmu kemahiran (*soft skills*) lain seperti kemahiran ICT, pengucapan awam, penulisan ilmiah, kemahiran bahasa dan kemahiran lain yang diperlukan. Juga ilmu elektif dan isu semasa, iaitu mempunyai pengetahuan secara asas ilmu lain khususnya yang mempunyai kaitan dengan bidang yang dipelajari tetapi diluar bidang yang dikuasai di universiti seperti psikologi, sosiologi, ekonomi, pengurusan, pendidikan dan sebagainya (Ahmad Munawwar, 2011).

5.0 KESIMPULAN

Penuntut Pengajian Hadis mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai benteng hadapan dalam mendepani serangan Islam Liberalis kerana serangan utama adalah tepat ke “jantung hati” mereka iaitu batang tubuh Nabi Muhammad SAW yang mulia serta hadis-hadis baginda. Mereka tidak lagi boleh berpeluk tubuh atau hanya sekadar menjadi penonton di tepi jalan yang takut untuk terjun ke “jalan utama” dek kerana tiada keyakinan dengan ilmu di dada. Sudah sampai masanya untuk mereka mempersiapkan diri dengan segala kemahiran yang diperlukan, sama ada ilmu *turath* atau ilmu alat kerana mereka perlu sedari bahawa lawan yang dihadapi ini sebenarnya mengambil idea dari musuh Islam yang sudah tewas dan hujah yang sudah lapuk.

RUJUKAN

- ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir. 2001. *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 23. Tunisia: Dār Saḥnūn.
- Abd Moqsith Ghazali, et.al (2009), *Metodologi Studi al-Qur’an*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. Hlm. 147-168.
- Ahmad Munawwar Ismail & Zakaria Stapa (2011), Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran, *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011, 21-30.
- Ahmad Umar Hasyim (2011), *Mempertahankan Sunnah : Sekaligus Menyanggah Dakwaan Golongan Anti Hadis*, Samsuddin Selamat (terj.), Johor Bharu : Perniagaan Jahabersa.
- al-Andalisī, Atīr al-Dīn Abū ‘Abdullah. t.th. *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Jil. 7. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Qaradawi, Yusuf (2001), *Kayfa nata‘amal ma‘a al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Al-Shawkani (1999), *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min ‘Ilm al-Usul (tahqiq : Muhammad Hasan bin Muhammad)* Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Ṭabarī, Ibn Jarīr. t.th. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Jil. 11 & 17. Beirut: Dār al-Ma‘ārif.
- Arief Subhan (1993), Menyatukan kembali al-Qur’an dan Umat: Menguak pemikiran M. Quraish Shihab. Dlm. *Jurnal Ulumul Qur’an*. Suplemen Pakar. Vol. 4. No. 5. Hlm. 14.
- Arifinsyah, A. 2015. Isa Al-Masih Penyelamat Di Akhir Zaman Diskursus Islam Dan Kristen. *Journal Analytica Islamica*, 4 (1), 106-129.
- Faisal Ahmad Shah (2013), Perkembangan Metode Pemahaman Hadis di Malaysia, *Journal Analytica Islamica*, Vol.2, No.2, 196-216.
- Ghazali, M. A., Aziz, A & Shah, F. (2011). Pengaruh Pemikiran Golongan Anti Hadith (GAH) Kepada Umat Islam Di Malaysia: Kajian Khusus Di Lembah Klang. Dalam Fauzi Deraman, Ishak Sulieman, Faisal Ahmad Shah (Pnyt). *Sunnah Nabi: Realiti Dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hafiz Firdaus Abdullah (2007), *Membongkar Aliran Islam Liberal*, Johor Bharu : Perniagaan Jahabersa.
- http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=13029:&catid=118&Itemid=254&lang=ms (22 Julai 2018)

- Kasim Ahmad, Satu Catatan Mengenai Hubungan Antara Falsafah Dan Sains Sosial. *Akademika* No 23, Julai 1983.
- Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Jaffary Awang, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Mohd Othman (2013) Pengajian Islam Di IPT Malaysia Dalam Menangani Islam Liberal. *Jurnal Hadhari*. 5 (1), 37 – 53.
- Muhd. Najib Abdul Kadir, Muhibudin Hassan & Mazlan Ibrahim (2007), Tafsiran Al-Qur'an dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal. Dlm. *Jurnal Islamiyyat*. Vol. 9. Hlm. 120.
- Sisters in Islam, Advokasi: memorandum; memorandum Perbandingan Draf Rang Undang-undang Keluarga Islam (digubal pada 24 Januari 1998) dengan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984, SIS Forum Malaysia, 2008, <http://www.sistersinislam.org.my/BM/memorandum/RUU%20Jan02.htm> [10 November 2009].
- Sulidar (2014), Kedudukan Hadis Gharib Sebagai Hujah dalam Ajaran Islam, *Analytica Islamica*, Vol.3, No.2, 349-366.
- Wan Adli Wan Ramli (2014), Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak. *Jurnal Usuluddin*, 40 (Julai – Disember 2014): 27-49.